



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (16)dim.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : 13 OCT 2003

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Tuan,

Perkara : Kawalan Saiz Pek Persediaan Ubat Batuk Mengandungi Pholcodine

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 151 yang telah diadakan pada 2hb. Oktober 2003 mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD telah memutuskan agar semua sediaan ubat batuk yang mengandungi Pholcodeine **ditetapkan kepada saiz pek TIDAK MELEBIHI 90ML.**
3. Sila ambil maklum bahawa semua aktiviti pengilangan dan pengimportan pek saiz sediaan ubat batuk mengandungi Pholcodeine ini berkuatkuasa pada 1hb. Januari 2004. Pengilangan atau pengimportan sediaan tersebut dalam saiz pek melebihi 90ml perlu dihentikan mulai dari tarikh berkenaan.
4. Pihak tuan diberi tempoh sehingga 31hb. Januari 2004 untuk **MENARIK-BALIK** semua sediaan ubat batuk yang mengandungi Pholcodeine yang melebihi saiz pek 90ml dari pasaran.
5. Sehubungan dengan ini, para pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI, DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BT. A. RAHMAN)
Seliausaha
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k.
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM
 2. Ketua Bahagian BFS
 3. PhAMA
 4. MOPI